

Headline	200 koleksi kebudayaan jadi tarikan		
MediaTitle	Berita Harian (Utara)		
Date	12 Jul 2013	Language	Malay
Circulation	231,163	Readership	1,368,000
Section	Berita	Color	Black/white
Page No	N4	ArticleSize	199 cm <sup>2</sup>
AdValue	RM 2,013	PR Value	RM 6,039



## 200 koleksi kebudayaan jadi tarikan

**Sintok:** Galeri Seni Pusat Budaya dan Seni (PBS) Jabatan Hal Ehwal Pelajar (HEP) Universiti Utara Malaysia (UUM) yang menyimpan lebih 200 koleksi kebudayaan menjadi antara tarikan dan tumpuan mereka yang berkunjung ke kampus ini.

Pengarahnya, Huzaidy Hussain, berkata antara koleksi yang ada di galeri yang dibuka sejak 2002 itu termasuk foto, peralatan muzik tradisional, busana, kostum, perhiasan tradisional, lukisan hasil kreativiti, piala, koleksi video dan pelbagai jenis koleksi kebudayaan lain.

### Tempat rujukan

Katanya, selain dijadikan sebagai tempat rujukan dan memberi maklumat kepada pengunjung, pusat ini turut menjadi pilihan untuk mengadakan persembahan dan mereka yang ingin mempelajari mengenai kebudayaan.

"Bidang kebudayaan antara yang menjadi

tarikan di universiti ini kerana kemampuan UUM membimbing mahasiswa bukan saja dalam mempelajari bidang kebudayaan, malah memberi peluang kepada mereka untuk terbabit dalam persembahan sama ada di peringkat universiti, negara mahupun antarabangsa," katanya.

Difahamkan, PBS menjadi tumpuan sekolah di sekitar negeri terutama pada waktu hujung minggu untuk menyertai bengkel drama, seni lakon dan seni tari.

Sementara itu, seorang pengunjung yang juga guru dari Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Pulau Nyior, Aini Mazita Mansor berkata, bahan pameran yang ada di galeri berkenaan amat bermanfaat dalam memberi ilmu dan pengetahuan kepada pelajarinya.

### Kaya maklumat

Katanya, pelbagai maklumat dan bahan yang ada di galeri itu, termasuk peralatan dan permainan tradisional memberi pengetahuan amat berguna kepada pelajar,

"PBS memberi banyak manfaat kepada pengunjung terutama pelajar yang mahu mempelajari bidang kebudayaan dengan lebih mendalam," katanya.

Galeri Seni PBS dibuka untuk kunjungan orang ramai pada setiap hari dari jam 9 pagi hingga 5 petang kecuali Jumaat dan Sabtu serta cuti umum.

Difahamkan, galeri itu dibuka untuk mempromosikan hasil seni yang ada di Kedah secara umumnya, sekali gus melahirkan rasa cinta terhadap kebudayaan dan kesenian yang ada di negara ini.

“  
**Bidang kebudayaan menjadi tarikan di universiti ini kerana kemampuan UUM membimbing mahasiswa mempelajari bidang kebudayaan, malah memberi peluang terbabit persembahan ke peringkat antarabangsa”**

**Huzaidy Hussain,**  
Pengarah PBS